

06/04/1997

Dr M melawat Kuwait

Haniff Hadi in Kuwait

BANDARAYA KUWAIT: Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kuwait bermula semalam membuka lembaran baru hubungan kedua-dua negara dalam pelbagai bidang, khususnya perdagangan.

Perdana Menteri, yang membawa bersamanya Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifudin Omar serta 12 usahawan terkemuka Malaysia, dijangka menekankan soal ekonomi dan perdagangan dalam beberapa rundingan dengan menteri kanan Kuwait dan sesi dialog bersama usahawan negara itu.

Pegawai Malaysia berkata, lawatan Perdana Menteri akan membantu meningkatkan kerjasama ekonomi Malaysia-Kuwait. Eksport Malaysia ke Kuwait ialah RM200 juta berbanding RM19 juta pada 1987.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Pemangku Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah al-Ahmad al-Jaber al-Sabah.

Sejurus selepas melawat Menara Pembebasan Kuwait, Perdana Menteri memulakan perbincangan dua hala dengan Menteri Kewangan Kuwait, Nasser Abdullah al-Rawanan.

Antara perkara yang disentuh dalam pertemuan itu ialah soal cukai berganda. Malaysia dan Kuwait akan memeterai perjanjian cukai berganda itu hari ini.

Dr Mahathir, yang turut diiringi oleh Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud juga mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertahanan Kuwait, Sheikh Salem Sabah al-Salem.

Hari ini, Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan Amir Kuwait, Shaikh Jabar al-Ahmad al-Jabir al-Sabah di Istana Bayan sebelum berucap dalam majlis pertemuan usahawan Malaysia-Kuwait. Dr Mahathir juga akan melayan pertanyaan usahawan Kuwait dalam sesi soal jawab dan dialog.

Beliau dijadual beramah mesra dengan rakyat Malaysia di Kuwait dalam majlis makan malam di kediaman Duta Malaysia ke Kuwait, Datuk Zulkifly Abdul Rahman di Qortuba.

(END)